



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
IMAM WAN MAT ZAIN BIN WAN YUSOFF
IMAM MASJID KG LAUT**

OLEH:

NUR AINA BALKHIS BINTI ANUAR 2022606792

UMIYATUL AUNI BINTI HANAPI 2022464628

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH
LISAN SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ WAN MAT ZAIN BIN WAN YUSOFF
IMAM MASJID KG LAUT**

OLEH:

**NUR AINA BALKHIS BINTI ANUAR 2022606792
UMIYATUL AUNI BINTI HANAPI 2022464628**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH
LISAN SEMESTER 05 (OKT 2024– FEB 2025)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Syukur kepada hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya projek Sejarah Lisan ini dapat siap dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai kekangan dan cabaran di sepanjang proses penyelidikan. Kekangan masa, sumber rujukan yang amat terbatas serta kesukaran mendapatkan sesi temu ramah merupakan antara cabaran utama yang kami lalui. Dengan usaha gigih dan sokongan daripada pelbagai pihak akhirnya projek ini dapat kami siapkan dengan baik.

Ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya ditujukan kepada pensyarah kami, TS. Nurulanisa binti Abdullah, yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, dan dorongan sepanjang penyelidikan ini. Beliau bukan sahaja membantu dalam memberikan panduan yang jelas mengenai kaedah penyelidikan, tetapi juga memberi motivasi agar projek ini dapat disiapkan dengan penuh dedikasi. Sokongan dan ilmu yang dicurahkan amatlah dihargai dan menjadi pemangkin kejayaan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan pula kepada wawancara, Imam Wan Mat Zin bin Wan Yusof, atas kesudiannya meluangkan masa untuk memberikan ilmu dan pengalaman berharga dalam melengkapkan projek ini. Kemudian atas kesediaannya untuk ditemu bual dan keterbukaannya berkongsi kisah serta pandangannya telah membolehkan penelitian mendapat pengisian secara lebih mendalam. Tanpa sumbangan beliau, projek ini tidak mampu mencapai matlamat dengan sempurna.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan pula kepada semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung telah membantu dalam menjayakan projek Sejarah Lisan ini. Segala sokongan, nasihat, dan kerjasama yang diberikan amat dihargai dan diingati. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh melalui projek ini dapat dimanfaatkan dan menjadi inspirasi untuk usaha penyelidikan yang lebih baik pada masa hadapan.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Kajian ini meneliti sejarah, seni bina, dan peranan Masjid Kampung Laut, sebuah warisan agung yang diiktiraf sebagai masjid tertua di Malaysia, dalam konteks sosio-budaya masyarakat setempat. Masjid ini unik kerana pembinaannya menggunakan teknik tradisional tanpa paku, dipengaruhi oleh seni bina Jawa dan unsur Islam tempatan, menjadikannya simbol ketahanan warisan seni bina Nusantara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian langsung di lokasi, temubual bersama penduduk setempat, serta analisis dokumen sejarah dan arkib. Data dikumpulkan, dianalisis, dan disahkan melalui proses triangulasi bagi memastikan ketepatan dapatan. Hasil kajian ini mendapati bahawa Masjid Kampung Laut bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadat, tetapi juga sebagai lambang perpaduan, identiti budaya, dan titik rujukan dalam naratif warisan negara. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada usaha pemuliharaan masjid sebagai khazanah sejarah dan inspirasi kepada generasi masa depan.*

Kata kunci: *Masjid Kampung Laut, warisan sejarah, seni bina tradisional, perpaduan budaya, pemuliharaan warisan*

Abstract: *This article examines the history, architecture, and role of Masjid Kampung Laut, a magnificent heritage site recognized as the oldest mosque in Malaysia, within the socio-cultural context of the local community. The mosque is unique due to its construction technique that uses no nails, influenced by Javanese architecture and local Islamic elements, making it a symbol of the resilience of Nusantara architectural heritage. This study employs a qualitative approach through direct observation at the site, interviews with local residents, and analysis of historical documents and archives. Data were collected, analyzed, and validated through a triangulation process to ensure the accuracy of findings. The results indicate that Masjid Kampung Laut serves not only as a place of worship but also as a symbol of unity, cultural identity, and a reference point in the narrative of national heritage. This study aims to contribute to the efforts of preserving the mosque as a historical treasure and an inspiration for future generations.*

Keywords: *Masjid Kampung Laut, historical heritage, traditional architecture, cultural unity, heritage conservation.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan	v
Biodata Tokoh	vii
Biodata Penemubual	viii
Pengenalan	ix
Transkrip	1
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh	2
Bahagian B: Masjid Kampung Laut	5
Bahagian C: Soalan Tambahan	15
Bahagian D: Harapan	18
Lampiran	24
Log Wawancara	26
Diari Kajian	29
Senarai Soalan	32
Surat Perjanjian	37
Gambar	38
Indeks	42
Rujukan	44

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Imam Wan Mat Zin Bin Wan Yusoff

Alamat : , Tumpat, Kelantan

Umur :

Tempat Lahir : Tumpat, Kelantan

No Telefon :

Jawatan : Imam Masjid Kampung Laut

Tahun Menjadi Imam : 2004

Penglibatan Komuniti : Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Laut

PENGENALAN

PENGENALAN

Masjid Kampung Laut merupakan salah satu warisan seni bina Islam yang tertua dan paling berharga di Malaysia, terletak di negeri Kelantan. Dikenali sebagai masjid tertua di negara ini, ia melambangkan gabungan unik seni bina tradisional Melayu, pengaruh seni bina Jawa, serta unsur-unsur Islam tempatan. Masjid ini dibina dengan kaedah tradisional tanpa menggunakan paku, menjadikannya contoh cemerlang kehalusan seni pertukangan zaman dahulu.

Namun, seperti kebanyakan warisan sejarah, Masjid Kampung Laut tidak terlepas daripada cabaran berkaitan pemeliharaan dan pemeliharaannya. Perubahan sosial-budaya, perkembangan teknologi, serta ancaman kemerosotan fizikal bangunan menjadi isu yang memerlukan perhatian serius. Masjid ini bukan sahaja sebuah tempat untuk ibadat, malah juga berfungsi sebagai simbol perpaduan dan identiti budaya masyarakat setempat, menjadikannya aset penting dalam konteks warisan negara.

Kajian ini bertujuan untuk memahami sejarah, seni bina, dan peranan masjid ini dalam kehidupan masyarakat tempatan. Fokus kajian meliputi usaha mengkaji nilai sejarah yang dimiliki masjid ini, teknik pembinaan tradisional yang digunakan, serta peranannya sebagai pusat kehidupan sosio-budaya masyarakat dari dahulu hingga kini. Pemahaman yang lebih mendalam terhadap Masjid Kampung Laut diharap dapat menyumbang kepada pemuliharaan warisan ini sebagai khazanah negara yang bernilai tinggi.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman temubual ini berkisah tentang sejarah, peranan, dan harapan Imam Masjid Kampung Laut dalam memelihara warisan masjid serta usaha memperkukuhkan komuniti setempat melalui aktiviti keagamaan, pendidikan, dan sosial. Selain itu, temubual ini turut mengetengahkan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan masjid, langkah-langkah pemuliharaan yang dilaksanakan, serta rancangan masa depan untuk memastikan masjid ini terus berfungsi sebagai pusat ibadah, simbol perpaduan, dan tarikan warisan di kawasan Kampung Laut. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk: IWMZ: Imam Wan Mat Zin UA: Umiyatul Auni
--

(Rakaman dimulakan)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Temubual ini bertujuan untuk mengenali lebih dekat sejarah dan latar belakang Masjid Kg Laut serta kisah pembinaan masjid tersebut. Bersama kami dalam sesi temubual ini adalah Encik Wan Mat Zin Bin Yusoff yang merupakan Imam Masjid Kg. Rakaman temubual ini diadakan pada tarikh 20 November 2024 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10 pagi bertempat di Masjid Kg Laut. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Aina Balkhis Binti Anuar dan Umiyatul Auni Binti Hanapi, pelajar semester 5 dari fakulti Pengurusan Sistem Maklumat UiTM Machang. Dengan segala hormatnya, temubual ini kami mulakan.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

UA : **Boleh imam memperkenalkan diri dan memberi sedikit maklumat mengenai latar belakang imam?**

IWMZ : Saya Wan Mat Zin Bin Yusoff [sambil bersandar pada sofa] , lahir di Kampung Laut *jugak* [juga] Tumpat, Kelantan kemudian masa kecilnya mendapat pendidikan awal daripada Sekolah Kebangsaan Kampung Laut kemudian melanjutkan terus pelajaran ke Sekolah Agama Islah Kampung Laut *dulu* [dahulu] sekarang *tak de dah* [sudah tiada] kemudian menyambung pelajaran ke Falahiah, Pasir Pekan. Masa itu Falahiah masih di bawah kerajaan Kelantan dan bahasa arab semuanya tidak *serupo* [sama] *harini* lah [hari ini], *harini* [hari ini] sudah berubah. Selain itu terus menyambung pelajaran ke Maahad Muhammadi, Kota Bharu kemudian terus kepada Nilam Puri, Kelantan, Yayasan Nilam Puri Kelantan. Selain itu, setelah tiga tahun sahaja di Nilam Puri, Kelantan kemudian sambung setahun ke Universiti Al-Azhar, Mesir sebab Nilam Puri dahulunya cawangan kepada Al-Azhar, Mesir, jadi sekarang ini Universiti Malaya dahulunya Al-Azhar jadi sambung terus satu tahun disana sehinggalah dapat Ijazah Syariah.

UA : **Seterusnya, dimana imam dilahirkan dan bagaimana kehidupan awal imam sebelum menjadi imam?**

IWMZ : Dilahirkan seperti yang saya cakap tadi ialah di Kampung Laut lah. *Bila* [apabila] balik dari Mesir itu mendapat tawaran daripada kementerian, pada masa itu kementerian dipanggil Maktab Pendidikan dan terus bekerja di Sabah sebagai guru agama Sabah selama tiga tahun. Setelah tiga tahun balik ke semanjung dan berkhidmat di Sekolah Menengah Karak kemudian ditukarkan sebagai guru pinjaman kepada kerajaan negeri. Saya, di bawah kementerian tetapi mengikut perjanjian kementerian; jika diperlukan mana-mana guru agama akan dihantar kepada Kerajaan Negeri Yayasan Kelantan. Kemudian, saya diberi pinjaman sebab saya *nak* [mahu] balik kerana *tak de* [tiada] kekosongan sekolah menengah

biasa, jadi saya dihantar balik ke Kelantan di daerah Bachok iaitu Sekolah Menengah Agama Yaakubiah pada masa itu tahun 1990. Kemudian, bulan 5 tahun 1990 hanya setahun setengah sahaja di Bachok saya ditarik balik kebawah kementerian semula dan mengajar di Sekolah Menengah Kampung Laut sehingga pencen.

UA : Berapa lama imam telah berkhidmat sebagai imam di Masjid Kg Laut?

IWMZ : Sekarang ini sudah 19 tahun. Mulai pada tahun 2004 hingga sekarang ini.

UA : Siapakah yang memberi inspirasi kepada imam untuk menjadi imam? Adakah terdapat tokoh agama atau individu tertentu yang memberi pengaruh kepada imam?

IWMZ : Sebenarnya bila saya dapat balik ke Kampung Laut terus saya diminta untuk dilantik sebagai ahli jawatankuasa masjid. Pada tahun 1992, jadi jawatankuasa Masjid Kampung Laut telah melantik saya untuk dijadikan imam muda tapi saya tidak mahu sebab saya hanya boleh membantu tanpa ada jawatan sehingga tahun 2004, saya pencen dan desakan penduduk Kampung Laut khususnya dan beberapa orang tertentu supaya saya menerima permintaan ahli jawatankuasa menjadi imam tetapi pada ketika itu saya tidak mahu, saya memikirkan pertama sekali *siapa dia* [siapakah] yang layak untuk mengendalikan Masjid Kampung Laut ini daripada golongan orang yang belajar *ugama* [agama], saya *pikir* [fikir] salah juga saya - - *takkan* [tidak mungkin] *nak* [mahu] *ambik* [ambil] orang luar masuk ke sini seolah-olah tiada orang yang belajar *ugama* [agama] disini. Kemudian begitu juga saya memikirkan beberapa perkara yang - - masjid dan juga masyarakat banyak perkara yang boleh saya sumbangkan dalam masyarakat ini kemudian begitu juga dinasihatkan kepada saya oleh orang-orang tertentu daripada guru-guru, pengetua sekolah, dan juga orang-orang bernama juga di kampung *ni* [ini]. Nasihat; “kalau datang orang lain yang tidak boleh mentadbirkan pengurusan masjid dan masyarakat, apa yang akan jadi pada kita?” jadi dengan itu saya fikir dan saya terima pada mei 2005 maka saya dilantik lah menjadi imam dan ada diantara sebagai kawan secara tidak langsung bertanya “kenapa masa saya tak mahu jadi imam *haritu* [hari itu] ? ada masalah apa?” sebab masa itu orang bimbang berkaitan terutama sekali bagi pihak atasan jadi

mereka takut saya berfikiran seperti itu *jugak* [juga]. Diantaranya sekarang *ni* [ini] Doktor yang dibawah Majlis Agama Islam Kelantan, pada masa itu dia menjadi imam tua di Kota Bharu jadi dia kata “terimalah jawatan ini untuk membangunkan masyarakat serta dengan masjid ini” sehingga pihak Majlis Agama Islam Kelantan panggil saya pergi ke sana sebab sebelum *ni* [ini] saya kata saya *tak* [tidak] mahu jadi imam. Antaranya ialah imam besar Masjid Muhammadi, lupa *dah* [sudah] nama dia, sudah meninggal sekarang ini; jadi dia pergi bercakap dengan saya “beginilah kalau tak mahu *jugak* [juga] jadi imam, pihak majlis boleh lantik serta-merta, *tak payah* [tidak perlu] *interview* [temuduga] untuk jadi khutbah undangan. Jadi sebab apa? nak membolehkan saya membaca khutbah kalau tidak, saya tidak boleh kalau *tak* [tidak] pegang jawatan *tak* [tidak] boleh kerana perkara itu bahan rasmi *kena* [perlu] orang yang dilantik. Jadi dilantik serta-merta disitu menjadi khatib undangan selama beberapa tahun dan terus saya membuat permohonan menjadi imam di masjid itu. Pendorong saya yang pertama; masyarakat sendiri pada ketika itu kemudian pihak-pihak majlis lah. Beberapa kawan saya serta-merta yang sepatutnya perlu isi borang beberapa bulan baru dipanggil kemudian *interview* [temuduga] dahulu tetapi saya *tak* [tidak], saya dipanggil tanpa *interview* [temuduga] hanya *nak* [mahu] jumpa sahaja. Kemudian terus memanggil dua ke tiga orang cakap *selaluh* [terus] situ dan terus buat surat pelantikan *selaluh* [terus] - - keadaan yang kritikal dan beri kemudahan, saya diantaranya sebab kawan-kawan yang bekerja di majlis itu disamping keadaan yang kritikal dan dia tidak meragui.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: MASJID KAMPUNG LAUT

UA : **Untuk soalan sejarah masjid, bilakah Masjid Kampung Laut mula dibina?**

IWMZ : Untuk Masjid Kampung Laut yang lama sebenarnya tidak ada tarikh dan tidak ada siapa pun yang boleh memberi tarikh tahun berapa-berapa, *soh* [sah] kan hari bulan, tarikh pun tidak ada sehingga pihak muzium *masa* [semasa] *nak* [mahu] dirobuhkan masjid itu, mencari bukti tidak ada - - jadi tenggelam dengan *gitu la* [begitulah] tarikh - - sehingga sekarang pun *tak tahu* [tidak tahu]. Ini kemungkinan orang dulu; kalau kita buat *selaluh* dok ? [terus kan] tarikh *gapo* [apa] ni [ini], *bokali* [barangkali] para wali *tak* [tidak] mahu nama dia sehingga nama pun *tak* [tidak] tahu dan tarikh pun tahun berapa, tiada siapa yang tahu. Dari segi pembinaan pada masa *tu* [itu] , masjid ini dengan keadaan itu sangat terkenal, besarlah di sebuah kampung tidak munasabah tetapi mesti ada ketua kampung pada masa itu daripada golongan orang-orang besar, raja sebab kita di Kampung Laut dulu, Kelantan kita ni sistem beraja tiada mukim-mukim. Ada dulu sultan katanya masa pembinaan Masjid Kampung Laut itu dibawah pemerintahan Sultan Mansur. Jadi lepas ini (sambil menunjukkan ke arah Umiyatul dan Aina) awak boleh pergi ke sana, dia ada catit [catat] dan awak boleh *ambik* [ambil] gambar sebab saya cakap ni tidak ada rasmi walaupun disana tidak berapa itu (rasmi) juga tetapi sesudah dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab seolah-olah rasmilah. - - maknanya bagi saya pembinaan ini diurus dengan begitu rapi dan juga secara terperinci dibawah orang-orang besar kawasan dan juga negeri tetapi tidak tahu siapa yang membina dan tarikh pun tidak ada.

UA : **Apakah tujuan asal pembinaan Masjid Kampung Laut?**

IWMZ : Tujuan asalnya selain untuk beribadat orang kawasan-kawasan itu, untuk dakwah pada seluruh kawasan-kawasan terdekat.

UA : **Adakah terdapat peristiwa sejarah penting yang dikaitkan dengan masjid ini?**

IWMZ : *Masa* [semasa] saya *kecik* [kecil] itu, masjid itu sudah dekat dengan sungai tetapi kemungkinan sebelum daripada itu jauh lagi, mungkin duduk di tengah-tengah kampung tetapi tebing sungai masih jauh kerana sungai dulu *kecik* [kecil]. Kemudian masa saya *kecik-kecik* [kecil] masih boleh berenang daripada tebing sungai *ni* [ini] ke tebing sungai sana tetapi oleh kerana berlakunya banjir dan juga hakisan pada tiap-tiap tahun tebing-tebing *tu* [itu] runtuh sehinggalah sampai kepada tiang masjid setelah itu runtuh masjid tinggal separuh di sungai jadi tebing sungai berada di bawah masjid. Oleh kerana masjid ini merupakan bersejarah bukan sahaja di Malaysia bahkan di Nusantara maka pihak yang tertentu terutamanya muzium sebab banyak bahan-bahan sejarah *ni* [ini] dan juga kerajaan negeri Kelantan pada masa itu telah berusaha untuk menyelamatkan Masjid Kampung Laut yang asal dan bahagian empat kiri dan kanan sudah runtuh jadi dia bagi; sesiapa yang *nak* [mahu] buat masjid boleh *ambik* [ambil] kayu buat masjid tetapi yang asal *ni* [ini] tidak dibenarkan *ambik* [ambil] kerana pihak muzium dan pihak kerajaan *nak* [mahu] selamatkan dan dibawa pergi ke Nilam Puri. Jadi masa dibawa ke Nilam Puri juga masih dibawah pengurusan muzium dan kerajaan negeri Kelantan. Tetapi bahan sejarah ini mesti berada di kawasan itu juga, jadi *ni* [ini] Masjid Kampung Laut tapi berada di Nilam Puri jadi pihak *UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization)* *tak* [tidak] terima sebab *tu* [itu] tidak ada penjagaan yang bertanggungjawab betul-betul sebagai bahan sejarah. Kemudian begitu juga dengan bantuan ke apa, *tak* [tidak] boleh. Jadi hanya jawatankuasa pengurusan masjid sahaja, tidak ada siapa yang bertanggungjawab bahagian bahan sejarah di tanah air. Lalu dengan keadaan itu, menteri besar, Ahmad Yaakub selepas Tok Guru Nik Aziz telah memikirkan satu dia kata oleh kerana dia wakil rakyat dun Pasir Pekan dan pengaruh yang paling besar adalah Kampung Laut, jadi buat aktiviti banyak di Kampung Laut jadi dia rasa *mari* [datang] dari pikiran dia; macam mana *nak* [mahu] mengembalikan masjid ini semula ke Kampung Laut semula tetapi *tak de* [tiada] orang memikirkan perkara mustahil sebab urusan ini bukan perkara yang mudah. Jadi setelah beberapa kali bermesyuarat dan akhirnya membuat keputusan untuk membawa balik semula masjid *ni* [ini] ke Kampung Laut

dibawah urusan kerajaan negeri dan muzium. Kemudian diusahakan bawa balik masjid sampailah sekarang berada disini.

UA : **Apakah bahan utama yang digunakan dalam pembinaan masjid?**

IMWZ : Asasnya adalah kayu. Kemudian tembaga dan besi *sikit-sikit* [sedikit] untuk buat bunga-bunga tetapi *hok* [yang] keseluruhannya adalah kayu, kayu cengal yang difahamkan mengikut orang bahagian perkayuan *deme* [mereka] nak buat kajian dari universiti dia *mari* [datang] *check* [memeriksa] disini bahawa kayu ini tahun tidak dapat dikesan, tahun yang lama semuanya kayu cengal sehingga pada masa itu memang tidak ada paku satu pun, yang ada paku *kemudian* [sekarang] *hok* [yang] tambahan *sikit* [sedikit] tapi yang asal *takde* [tiada] paku. Jadi *nak* [hendak] sambungkan ke tiang-tiang dengan menggunakan kayu pasak. Orang tua-tua dulu buat besar-besar ini kayu lah (sambil menunjukkan anggaran saiz kayu). Kemudian, sebab ada lubang-lubang tempat sambung dan sambung ke celah itu (sambil menunjukkan cara kayu disambungkan). Tetapi sekarang ini terpaksa guna penyambung - - guna besi sekarang *ni* [ini] dan juga guna apa yang besar-besar *ni* [ini] (sambil menunjukkan anggaran saiz bahan tersebut) *nak* [hendak] ganti kepada kayu tapi kayu *tu* [itu] banyak yang patah jadi dia *tak* [tidak] boleh buat lagipun tukar-tukang sini *tak* [tidak] berapa mahir *nak* [mahu] membuat kayu besar-besar itu. Jadi yang sekarang ini *hok* [yang] kayu sudah diganti dengan besi, *nak* [mahu] menggantikan kayu pasak sebab sebagian *tu* [itu] telah *rusak* [rosak] maka dia gunakan bahan daripada besi, skru *dok?* [kan] dia skru balik - - semua *tu* [itu] masih kayu balik.

UA : **Apakah gaya seni bina yang digunakan dalam pembinaan masjid ini?**

IWMZ : Yang ini saya tidak berapa pasti pasal seni bina, nanti kita pergi sana disitu pun *takde* [tidak ada] tulis tentang seni bina tapi adalah *sikit-sikit* [sedikit] membayangkan seni bina masjid.

UA : **Bagaimana struktur bumbung masjid ini direka?**

IWMZ : Bentuk empat persegi - - di atas ada buah gotong *hok* asalnya bila dibuang masih ada pecah-pecah yang diperbuat daripada semin yang amat - - tapi

sekarang ini dibuat ditiru balik sama besar dan bentuk yang sama dengan yang atas *tu* [itu]. Kemudian, seolah macam dua tingkat nampak dari pandangan luar, satu *hok* [yang] diatas dan satu lagi atap tapi dari segi istilah tukang *tu* [itu] saya pun *tak* [tidak] dapat sebut macam mana tetapi orang tukang akan tahu. Nanti kita pergi dan *ambik* [ambil] gambar, nampaklah seperti dua tingkat di atas *nuh* [sana]. Kemudian, lantainya daripada kayu cengal; tebal lantai sahaja. Jadi *takde* [tiada] kita jalan-jalan *kat* [di] Malaysia *ni* [ini] memang *takde* [tiada] yang seperti itu. Kemudian, dia menyerupai masjid ini ada beberapa buah di masjid Indonesia *pastu* [selepas itu] di masjid Denmark, di Pasai dibawa oleh seorang kawan di Indonesia pergi melawat; dia kata “yang sebenarnya Masjid Kampung Laut sama dengan masjid yang itu” tapi saya tengok hebat yang ini lagi (menunjukkan arah ke Masjid Kampung Laut). - - kayu dan tiang besar macam *ni* [ini] (menunjukkan anggaran saiz tiang), yang di sana *kecik* [kecil] *je* [sahaja]. Kemudian, menara *nak* [mahu] naik atas sini *diorang* [mereka] menggunakan tangga sebab dia buat macam dua lapis kerana dulu di atas tempat orang bertapa, orang *tak* [tidak] sembahyang atas *tu* [itu]; luas. Jadi naik ke atas *tu* [itu] dengan tangga, saya pun masa *kecik* [kecil] naiklah tangga *tu* [itu]. Orang-orang sedang bertapa di dalam masjid itu, maknanya kemungkinan para wali yang membina dan orang selepas *tu* [itu] masih guna dan saya tengok ada kertas-kertas tapi kertas *tu* [itu] saya nampak macam *nak* [mahu] hitam tapi *nak* [mahu] *ambik* [ambil] tulis *tak* [tidak] boleh baca. Maknanya, ada guna kitab apa *ke* [kah] duduk di atas *tu* [itu]. Tapi untuk sebut satu istilah itu saya pun *tak* [tidak] begitu *paham* [faham] dengan orang-orang tukang dia tahu. Kemudian satu lagi persamaan; orang kata masjid ini ada sama dengan masjid di Thailand tapi memang bentuk sama tetapi tidak begitu hebatlah, yang pertama; *kecik* [kecil] - - kemudian ada dua tingkat juga; ada juga tingkat di atas *tu* [itu] kemudian tangga naik *tu* [itu] *kecik* [kecil] tetapi ciri-ciri sama. Saya tengok di Indonesia pun, di Thailand ada satu tempat itu - - tidak tahu tempat dia dulu ke Masjid Kampung Laut dulu sebab tidak ada sejarah.

UA : **Bagaimana sistem pengudaraan masjid direka untuk keselesaan jemaah?**

IMWZ : Masjid itu lebih terbuka. Semasa saya *kecik-kecik* [kecil], semua sekeliling itu terutama pintu-pintu di kelilingnya - - kerana pada ketika itu tidak ada kipas angin tapi *masa* [semasa] saya budak ada kipas angin kemudian pintu sentiasa terbuka dikeliling masjid *tu* [itu] dan semua pintu adalah pintu cengal yang tebal.

UA : **Berapa jumlah jemaah yang boleh ditampung oleh masjid ini?**

IMWZ : Lebih kurang dalam 800 orang.

UA : **Apakah aktiviti utama yang diadakan di masjid ini?**

IMWZ : Seperti biasa, sembahyang lima waktu kemudian aktiviti bila ada hari kebesaran seperti Maulud, Israk Mikraj; ada jemput penceramah-penceramah jemputan. Selain daripada itu, disini di tambah satu lagi kebudayaan dan kesenian macam rebana untuk pertunjukkan di situ, silat kemudian sukan-sukan iaitu sukan air selain daripada yang khusus berkaitan dengan sembahyang tadi. - - satu jawatankuasa, saya tidak termasuk dalam jawatankuasa *tu* [itu]. Ada jawatankuasa khas dibawah pejabat daerah Tumpat yang mana bertanggungjawab kepada muzium. Jadi yang masjid ini tidak termasuk yang majlis itu, dia tidak dibawah pengurusan majlis macam majlis-majlis *ni* [ini] dibawah masjid mukim sahaja.

UA : **Adakah terdapat kelas agama atau kuliah yang diadakan di masjid ini?**

IMWZ : Ada.

UA : **Bagaimana masjid ini membantu dalam pendidikan agama kawasan ini?**

IMWZ : Ada dua perkara; yang pertama dari segi sembahyang jemaah kemudian adanya kelas dan ceramah-ceramah. Selain daripada itu, ada juga aktiviti kebajikan kepada orang-orang miskin dengan mendapat sumbangan daripada luar ataupun orang-orang kaya.

UA : **Adakah masjid ini boleh digunakan untuk majlis perkahwinan atau majlis besar lain?**

IWMZ : Tidak dibenarkan kerana bila ada majlis perkahwinan ramai orang datang jadi kekotoran - - sebab kahwin ni imam sahaja, jawatankuasa masjid tidak terlibat jadi diorang ni taktau. Sudah kahwin mungkin ada kekotoran lagipun masa itu takut mengganggu lawatan - - salah satu tempat yang dilawati di Masjid Kampung Laut jadi ramailah pelancong *mari* [datang] dia takut mengganggu pelancong *tu* [itu] sekiranya ada majlis majlis berkahwin apa mungkin boleh mengganggu. Dulu ada sekejap ada orang *mintak* [minta] tetapi sekarang tidak dibenarkan.

UA : **Adakah terdapat sebarang ancaman alam sekitar yang boleh merosakkan struktur masjid?**

IWMZ : Setakat ini, tiada lagi - - sekarang ni tebing sungai daripada Pasir Pekan sehingga kepada pulau sudah dibuat benteng, benteng tambatan air; maknanya sekarang ni kalau banjir biasanya *tak* [tidak] naik *dah* [sudah]. Kalau *hok* [yang] tinggi seperti *duo* [dua] ribu empat belas [2014] *dok* [kan]? banjir besar dulu ,kalau hak itu lepas lagi sebab dia buat selepas berlaku banjir besar tu aras dia setakat mana, dia *ambik* [ambil]setakat itu. Ditinggikan sikit lagi, maknanya kalau berlaku tu perkara yang luar dari dugaan, kalau berlaku mungkin *pecoh* [pecah] benteng itu; tapi sekarang ni - - keselamatan masjid itu terkawal tidak ada apa apa dah.

UA : **Siapakah yang bertanggungjawab dalam proses baik pulih masjid ?**

IWMZ : Yang bertanggungjawab itu pertama kerajaan negeri *lah*. Pada masa itu dibawah Datuk Bentara Kanan ‘err’ Ustaz Mat Yaakob, adun Pasir Pekan. Menteri besar, dia mewakili kerajaan negeri kemudian dengan pihak muzium. – jadi sekarang pun kerajaan negeri dan muzium apa apa pun dia akan sampai kepada pejabat daerah tumpat, kemudian pejabat daerah tumpat - - serah kepada jawatankuasa khusus.

UA : **Apakah kos penyelenggaraan tahunan masjid ini?**

IWMZ : Pertama di muzium sendiri macam imam ,bilal, satu imam satu bilal dilantik oleh muzium. Satu-satunya masjid rasa di Malaysia - - masjid yang imamnya

dibayar oleh muzium. Kemudian sumber ialah daripada pelancong yang menderma, serta sesiapa yang pergi ke masjid itu derma daripada orang-orang ramai. termasuk sekali kerajaan negeri mungkin bagi lah *sikit-sikit* [sedikit].

UA : **Adakah sukarelawan turut serta dalam menjaga kebersihan masjid?**

IWMZ : Sukarelawan jika perlu sekali sekala *jer* [sahaja] - - dulu dilantik oleh syarikat bahagian Masjid Kampung Laut, dia yang memberi sumbangan kepada penjaga pengawal masjid - - kemudian sukarelawan tu bila dikehendaki sekali sekali umpamanya kita kata *nak* [mahu] adakan - - kawalan jaga jalan - - semasa *nak* [mahu] diadakan sesuatu majlis barulah dia panggil sukarelawan-sukarelawan yang terdiri daripada JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia); satu - - dia dibawah kerajaan negeri bila *nak* [mahu] itu kita panggil - - haa amal , unit amal . - - mereka jemput unit amal untuk membuat kawalan keselamatan *kat* [di] situ , unit amal dan JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) kebiasaannya.

UA : **Berapa jumlah bilal dan imam yang berkhidmat di sini?**

IWMZ : Imam disitu imam tua, imam muda dan imam rawatib. 3 orang dan bilal satu orang *sio*k [siak] satu orang - - maknanya 5; yang mana dibayar oleh muzium dan *jugak* [juga] dana yang disedekahkan oleh orang ramai masa itu dia *ambik* [ambil] sebab muzium dia bayar hanya kepada imam muda dan imam tua - - kemudian kepada bilal, kemudian *hok* [yang] lain itu *ambik* [ambil] daripada tabung masjid itu sendiri.

UA : **Adakah masjid ini menjadi pusat utama untuk solat Jumaat di kawasan ini?**

IWMZ : Tidak boleh sebab dia masjid di kelantan ni masjid yang wajib masjid mukim sahaja. Sudah ada masjid mukim yang dekat kecuali situ dia kena ada rumah sekurang nya 300 untuk membuat permohonan kepada majlis agama dengan syarat yang boleh dibuat. Jadi sekarang ia itu dibawah Masjid Kampung Laut jadi tak boleh buat solat jumaat disitu.

UA : **Apakah jenis program dakwah yang dijalankan di sini?**

IWMZ : Itulah program dakwahnya kelas kelas waktu malam kemudian ceramah-ceramah agama jemputan hari-hari kebesaran islam serta dengan kelas-kelas belajar al-quran, kemudian begitu *jugak* [juga] sekarang ni dia ada *pulak* [pula] kuliah dhuha.

UA : **Bagaimana masjid ini diiktiraf sebagai warisan negara?**

IWMZ : Yaa ini. Kalau bagaimana *tu* [itu] - - setiap bahan sejarah yang mesti bertanggung jawab ialah pada muzium jadi masjid ini muzium diiktiraf oleh *UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization)* dulu. Dunia lah; jadi sekarang ni di dalam proses untuk diiktiraf oleh *UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization)*. Tapi sebab dia kena ada beberapa ciri yang tersedia dan sekarang ke arah *tu* [itu] dan sebahagian besar *tu* [itu] sudah cukup *doh* [sudah] untuk itu cuma belum buat permohonan khusus untuk mendapat pengiktirafan *UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization)*. Namun dalam negeri dan negara kita sendiri, Malaysia ini dibawah muzium dan pengurusan muzium.

UA : **Adakah terdapat mitos atau cerita rakyat yang dikaitkan dengan masjid ini?**

IWMZ : Saya terima lah masa saya jadi ahli jawatankuasa lagi. Macam-macam benda yang terjadi. Ada yang mengatakan orang-orang di dulu pelayar, ahli ahli perniagaan ke, para dakwah-pendakwah ke, bila sampai di tengah laut, kapal pecah. Kemudian, untuk selamat masa *tu* [itu] dia bernazar kepada Allah, jika selamat, dia nak mendirikan sebuah masjid yang terdekat dengan laut. Maka dengan sebab itu disebut Masjid Kampung Laut. Pada hakikatnya saya, bagi saya lah, saya tidak boleh terima, itu bagi peribadi saya. Itu cuma cerita. Buktinya tidak ada, dan dari segi karya munasabah, itu tak dapat kita terima. Dia kata kayu-kayu itu yang buat masjid. Mana boleh kayu, tiang, itu kemudian kapal. Kapal besar mana, dia *nak* [mahu] pelayaran - -. Yang macam itu sedangkan kapal ini dia terbentuk kan lah. *Tak* [tidak] ada, sini-sini semua itu. Kemudian lantai pun terlantai yang tebal-tebal macam itulah. Kemudian begitu

juga. Kapal laut itu nama itu sudah asal ada. Orang itu mari nak cari satu tempat selamat. Maka hampir dengan laut - - sebutlah kapal laut. Sebenarnya, kerana kampung itu dekat dengan laut dan serta dengan nazarnya, dia selamat *nak* [mahu] buat sebuah masjid dekat dengan laut. Jadi, seolah-olah nama kapal laut sendiri itu daripada *ore hok* [orang yang] nazar ni. *Tak* [tidak] munasabah, bagi saya lah, di sini. Tapi, bagi saya, ada soalan lah. - - Bagi saya lah, - - Dipercayai lah, kemudian ada juga sebahagiannya, dia kata datangnya pendakwah-pendakwah dan para wali 9 - - yang dihantar oleh kerajaan Jawa, Islam. - -. Serta sampai sini, buatlah masjid hari ini, pun juga saya rasa saya tak boleh terima. Tetapi bagi saya lah, walaupun tidak ada satu bukti yang lemah, iaitu pendakwah yang telah dihantarkan oleh kerajaan se-Campa dulu, kerajaan Islam Champa di Nusantara ini, yang meliputi pada masa itu negeri-negeri Melayu seluruh Nusa Tenggara ini, termasuk Malaysia. Malaysia tidak di bawah Campa, Thailand, Burma, Laos, Kemboja, dan sedikit daripada Indonesia itu masuk kerajaan Islam Champa dulu, sebelum mereka berlakunya keruntuhan kerajaan itu. Jadi pada masa itu, raja dia sendiri itu yang berminat kepada dakwah, jadi mengikut dia, bila berlakunya perkahwinan daripada dia - - . Dihantarkan anak-anak raja-raja itu, yang keturunan daripada para sahabat itu. Dan setelah katanya, dialah daripada keturunan nabi-nabi - - . Kemudian raja Campa itu lah yang menghantar kepada pendakwah-pendakwah dia, termasuklah yang datang ke Kampung Laut ni. Mungkin beberapa orang - - daripada keturunan raja juga. kemudian ditugaskan untuk ini. - - Maka sebab itu dipanggil Pengkalan Chepa, sesuai dengan pendatang, dia orang Champa. - - Tapi, dia terus keluar dari sini, dan dia singgah lari di kawasan Kampung Laut. Dia tengok satu kawasan yang berpotensi. - - maknanya dia boleh buat satu pusat untuk perkembangan Islam, terutama di Kelantan. Sebab di situ dulu-dulu, pedagang-pedagang daripada Arab - - . Jadi di situ dipercayai pedagang-pedagang daripada Arab, menjadikan tempat persinggahan dia situ. Jadi kebetulan, bersama dengan ini, kawasan itu maju *dah* [sudah] dulu. Jadi, pendakwah-pendakwah ini datang dari situ. Dan mendapat restu daripada raja-raja yang dan orang besar di kawasan itu dulu. Maka, dibina lah masjid. Haa, situ. Haa, maka, bagi saya, saya lebih percaya pada dia. Tetapi tidak ada bukti. - - Haa, sebab tidak ada nama, tidak ada tulisan. Dan orang yang mati dulu, tidak

ada cerita apa-apa dari dulu. Haa, sebab, yang saya kata, jujur, percaya kepada ini. Pertamanya, ada kaitan dengan pendakwah-pendakwah yang *mari* [datang] daripada Kelantan ini. Seperti di Bukit Panau dulu, Raja kahwin dengan raja keturunan raja *jugaklah* [jugalah] daripada Kelantan dan Tanah Merah itu. - - Kemudian, dua itu, dia nak pergi ke Indonesia, Jawa. - - Jadi, ini kepercayaan dia. Dia telah berusaha bersama dengan kerajaan Kelantan. Pada masa itu, kita *tak* [tidak] tahu raja yang mana. Sama ada Kota Bharu. Tapi, mengikut cerita, diarah daripada Raja Kota Bharu di Kelantan itu, supaya *mari* [datang] bersama, bekerjasama membina masjid ini. Tapi, pada masa itu, di Kampung Laut sendiri pun sudah ada Raja. Jadi, mesti bila dia *nak* [mahu] *wak* [buat] sesuatu *ni* [ini], masjid ini bukan perkara kecil, buat sesuatu pembangunan. Mesti mendapat kebenaran daripada orang besar kawasan itu yang menguasai. - - . Jadi, dengan kerjasama dan kebenaran daripada orang-orang besar berada di Kampung Laut pada masa itu, maka terbinalah masjid ini. Dan, masjid ini, pada masa dulu katanya, gajah. - - Tetapi, yang dikatakan gajah itu, gajah yang dinaiki oleh orang besar. Dia *parking* [meletakkan] gajah dia di bawah masjid itu. - - . Orang besar naik-naik gajah. Jadi, bila ada satu perayaan, dia mari situ. Masa saya kecil itu, tinggi *ni* [ini] *saja* [sahaja] tanah bawah kan. (sambil bangun menunjukkan gaya). Kemudian lantai, tinggi ni aja. *Nak* [mahu] masuk *tak* [tidak] boleh. Jadi bila kita macam budak-budak main, itu - - bila dikatakan, tingginya masjid itu, gajah dua pun *tak* [tidak] sampai lagi. - - Tetapi bila berlaku runtuhan, tiang itu sebahagiannya duduk tepi sungai *ni* [ini], barulah kita percaya. - - . Maknanya kita boleh terima. Ha, itu. Jadi, tidak ada satu kenyataan yang tepat untuk *ni* [ini]. Untuk orang bertanggungjawab bahawa dibina oleh orang - - dari bawah arahan siapa tidak ada - - . Cuma ditulis *situ*, satu nama jelah , ‘err’ Sultan Mansor dibawah dia dah jawatankuasa.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C : SOALAN TAMBAHAN

UA : **Bagaimana komuniti tempatan terlibat dalam pengurusan masjid?**

IWMZ : Sekarang, ia di bawah satu Jawatankuasa yang menguruskan. Jawatankuasa ini yang dilantik oleh majlis-majlis daerah. *Situ* [disitu] bukan majlis-majlis Islam *dok* [kan] dengan kerjasama kerajaan negeri. Kemudian pengurusan itu dilakukan oleh Jawatankuasa ini sahaja. Cuma masyarakat tempatan ini memberi kerjasama setiap kali ada *semaye* [sembahyang] ini seperti biasa. Begitu juga masa mengajar malam-malam itu. Kemudian bila ada sesuatu aktiviti keagamaan ataupun kesenian, kebudayaan. Maka masyarakat, bukan sahaja masyarakat sini. Masa kebudayaan dan kesenian ini, masyarakat-masyarakat luar itu akan datang penuh di kawasan itu. Manakala perayaan biasa ini kemasyarakatan tempatan bekerjasama.

UA : **Bagaimana masjid ini membantu golongan miskin dan memerlukan di Kampung Laut?**

IWMZ : Dia derma. Dia ada tabung, sama ada lima daripada orang yang berada di Kampung Laut dan lain-lain, kemudian dengan agensi-agensi tertentu seperti pelancongan. Kemudian muzium dan juga kerajaan negeri dengan majlis ke dia ada minta, buat permohonan minta. Kemudian boleh dikatakan bagi *tiap* [setiap] kali bulan Ramadan lah *dekat* [hampir] hari raya maka diberi sumbangan kepada para *dhuafa* [daif]. Dalam setahun saya rasa tiga kali orang lah *dhuafa* [daif] dipanggil untuk menerima bantuan-bantuan, tapi tidak ada bulanan lah - - itu pun sumbangan semasa sahaja. Bila *nak* [ingin] buat, dia *hello* [menelefon] lah kepada pihak pihak tertentu untuk memberi derma dan dia bagi 100 orang miskin.

UA : **Adakah masjid ini bekerjasama dengan masjid-masjid lain di kawasan sekitar?**

IWMZ : Dia [Masjid Kampung Laut] - -, dan kita di sini walaupun *tidak* [bukan] masjid, dipanggil surau-surau kan ramai, banyak di sini, *sapa* [sehingga] 13 dan mungkin Kampung Laut *saja* [sahaja] ini 13 surau. Jadi *dia* [Masjid Kampung Laut] akan, *dia* [Masjid Kampung Laut] ada kerjasama lah secara tak langsung. - - Jika ada sesuatu aktiviti, beritahu kepada imam-imam ini supaya bagitahu kepada makmum-makmum untuk datang bersama disitu.

UA : **Apakah projek komuniti seperti gotong royong pernah diadakan di masjid ini?**

IWMZ : Sekarang ini tidak perlu gotong-royong sebab *dia* [Masjid Kampung Laut] sentiasa bersih. Kerana ia dijaga oleh pihak muzium dan negeri, jadi kita ada benda-benda yang boleh mengotorkan kawasan itu.- - Kecuali masa nak diadakan sesuatu majlis, masa itu lah gotong royong. Masa *dia* [Masjid Kampung Laut] nak buat tempat persembahan dan sebagainya lagi itu *saja* [sahaja]. Tetapi gotong royong dari segi kebersihan masjid, bangunan masjid, luar masjid tidak ada khususnya.

UA : **Bagaimana pandangan komuniti luar terhadap Masjid Kampung Laut?**

IWMZ : Memanglah ia bukan sahaja itu. Komuniti-komuniti yang mengambil tahu serta memberi penghargaan dan kerjasama boleh dikatakan keseluruhan situ. Masjid-masjid, orang ramai, persatuan-persatuan semua tahu sebab kalau ini bahan sejarah bukan sahaja terpendam *gitu* [begitu], diwar-warkan ia. Sekarang ini lebih mudah kerana kita guna kata *WhatsApp* - -, bila dia nak buat sesuatu dia masuk dalam itu *selalu* [sekarang]. Melalui *Instagram* dan bila tahu itu setiap kali bila adanya misalnya persembahan kebudayaan seandainya kita kata bersilat. Ataupun itu, maka ramai datang. Memberikan itu untuk menyaksi dan juga memberikan kerjasama apa yang diperlukan. Dan kemudian, menteri-menteri dalam bentuk persatuan apa itu, memang *mintak* [minta] bersama. Mana dia dari segi itu lebih meluas daripada masjid mukim. Sebab *dianya* [itu] masjid negara. Jadi, semua *la* [lah] jabatan-jabatan apa dia itu. Dan begitu juga. Apa dia ini di orang-orang yang luar daripada berada di Kampung Laut dan selepas pun untuk dia nak buat aktiviti, anak sekolah misalnya. - -. Lebih luas daripada apa yang dibuat dari masjid mukim. Kerana dia bentuk itu adalah sebagai milik negara. Kita ini hanya milik bagi mukim-mukim saja. Jadi, kerjasama dia lebih luas daripada komuniti-komuniti yang berada di kawasan mungkin khususnya

UA : **Apakah peranan masjid dalam mempromosikan pelancongan berasaskan warisan di Kelantan?**

IWMZ : Dia *sini* [disini] dibawah pelancongan. Ini cuma membantu saja. Apa-apa yang *nak* [ingin] buat, apa-apa kaitan itu, ini bawah pelancongan. Dan pelancongan akan bagitahu kepada pihak Jawatankuasa ini. Rombongan ini akan datang. Rombongan ini biasa pergi secara persendirian itu. Ini katakan *tiap tiap* [setiap] minggu harian ada. Cuma tertentu, misalnya daripada jabatan mana, negeri, misalnya dari Selangor ke mana pada hari *tu* [itu]. Jadi ia sampai kepada pelancongan. Pelancongan akan hubungi Jawatankuasa di sini untuk bersedia apa yang perlu. - -. Apa itu memang *famous* [terkenal]. Kerana diuruskan oleh, bahagian pelancongan sendiri. Seumpama kita *sini* [disini] tempat-tempat lawatan yang itu, maka dia ada di dalam senarai pelancongan. Maka termasuk lah masjid itu tadi.

UA : **Adakah masjid ini menyediakan panduan untuk pelancong?**

IWMZ : Tidak ada, kalau sekarang pihak pelancongan bagi *location* [lokasi] kepada dia (pelancong) datang sendiri. Cumanya, untuk keselamatan *nak* [mahu] jaga jalan dari pihak polis, JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) dan unit amal tadi. Tetapi untuk melancong itu di bahagian pelancongan *tu* [itu] sendiri *dah* [sudah].

UA : **Apa harapan imam untuk masa depan masjid?**

IWMZ : Bagi saya, saya bukan AJK (ahli jawatankuasa) disitu; jadi bagi saya yang pertama sebagai anak mukim dan juga sebagai kita orang islam sudah pasti kita mempunyai semangat yang tinggi supaya masjid ini sentiasa; yang pertama sekali diimarakkan. Ada *jugak* [juga] dulu mula-mulanya pihak muzium *nak* [mahu] bukti - - katanya masjid ini tidak dibenarkan membuat aktiviti; kata macam mana fungsi masjid kalau *tak* [tidak] boleh buat aktiviti agama seperti sembahyang jemaah. Jadi akhirnya sekarang ini, dibenarkan kemudian bagi saya oleh kerana surau ini terlampau banyak di mukim Kampung Laut, jemaah jadi kurang lah. Jadi jemaah Masjid Kampung Laut jadi pergi ke situ. Cuma, kalau buat aktiviti-aktiviti secara berkala itu dengan jemaah dan jemputan itu, ramailah. Jadi terutamanya bagi saya; dulu rumah saya dekat dengan masjid *tu* [itu] , yang kedua tempat kita *nak* [mahu] melepaskan perasaan di masjid *je* [sahaja] *masa* [semasa] *kecik-kecik* [kecil] dulu sebab masjid duduk di tepi sungai; *nak gi* [mahu pergi] mandi ke berehat disitu kemudian begitu *jugak* [juga] *atah* [atas] minat kita kepada masjid kerana dididik oleh orang tua. Saya sebenarnya daripada *kecik* [kecil] itu, saya *dah* [sudah] berkhidmat *dah* [sudah] kepada masjid ni [ini]; jadi siak sehingga digelar saya orang tua-tua dahulu siak muda *masa* [semasa] umur sepuluh tahun. Sebenarnya bukan saya yang pegang jawatan, yang pegang ialah bapa saya tetapi dia orang tua *nak* [mahu] cari makan jadi akhirnya dia hantar beberapa anak dan serah masjid *tu* [itu] untuk saya jaga tapi dulu *tak de* [tiada] kelengkapan. Kemudian *nak* [mahu] sembahyang *tak de* [tiada] karpet, sejadah macam sekarang *ni* [ini]; dia panggil tikar, yang besar-besar ini (sambil menunjukkan ke arah tikar rumah beliau) yang gulung itu. Satu daripada sini ke sana, seluas-luas masjid itu. Maksudnya, saya yang *rollkan* [gulungkan] maka setiap kali jumaat, pagi lagi saya pergi sapu kemudian hamparkan tikar itu. Saya sorang je sebab budak, tukar *tu* [itu] gulung dan tolak saja *jah* [sahaja] kita tolak sampai sana, kita betul-betulkan tapi sekarang *ni* [ini] orang *tak* [tidak] pakai *dah* [sudah] tikar *tu* [itu]. Kemudian bila *nak* [hendak] ada buka puasa, saya terpaksa menyediakan pinggan mangkuk untuk orang guna. Kemudian, orang *nak* [mahu] azan; speaker ke apa ke, saya yang jaga ketika itu *masa* [semasa] saya budak lagi sehingga orang tua-tua dan ahli jawatankuasa mengakui - - dengan percuma *tak srupo* [tidak sama] macam sekarang *ni* [ini]; macam siak-siak sekarang ini dibayar oleh kerajaan,

majlis agama dan juga pihak masjid. Pada masa itu, masjid pun tidak ada duit, lima ringgit sebulan *je* [sahaja] pada masa itu tapi kadang-kadang bagi, kadang-kadang tidak tapi kita tidak mahu apa-apa sebab kita buka *nak* [mahu] kepada duit *tu* [itu] tapi sekarang ini mana-mana macam siak pun memikirkan juga berapa nak bagi (sambil senyum) sebab *tu* [itu] tidak ada orang *nak* [mahu]. Kalau masjid Kampung Laut *ni* [ini] kita bayar RM 1500 kepada siak. Dulu ada dua orang, jadi RM 2000 sedangkan majlis bagi dalam lebih kurang RM 600 tapi kita guna duit masjid lah; sekarang *ni* [ini], kalau masa saya dahulu *tak de* [tiada] apa maka *takkan* [tidak akan] bertugas lah. Satu lagi dulu, tiada air paip jadi orang kampung mandi di perigi. Awak mungkin tidak kenal lah kan rasa mandi perigi? (sambil tersenyum) orang kampung waktu subuh sudah berada di perigi atau di sungai. Dalam Kampung Laut *ni* [ini] ada sungai *tu* [itu] penuh pagi dan petang di sungai itu, jadi masa itu masjid nak guna berwudhu jadi mesti kita *nak* [mahu] guna air kan maka masjid menyediakan dua kolah; satu kolah yang asal diperbuat daripada batu bukit kemudian satu lagi orang kampung yang buat satu lagi kolah, dia buat perigi yang besar kemudian perigi ini tidak digunakan oleh orang kampung khusus untuk masjid itu sahaja untuk berwudhu. Jadi air itu terpaksa kita *kagha* [tarik] dengan tangan, letak rantai dan masukkan dalam satu saluran lebih ke sini hingga ke sana (sambil menunjukkan jarak saluran tersebut). Sini perigi, kita *kagha* [tarik] kita duduk atas wakaf dan *cuoh* [masuk] dalam palung. Saluran itu juga dibuat dari kayu cengal juga terus ke dalam kolah itu. Jadi cuba bayangkan berapa kali kita kena penuhkan kolah *tu* [itu]. Kalau *nak* [mahu] kira sampai merah tangan tetapi *tak apa* [tidak mengapa] kita suka lagi pula itulah tiap-tiap orang pergi *nak* [mahu] sembahyang dia suka, dia *ambik* [ambil] air *tu* [itu] *bubuh* [masukkan] ke dalam itu, jadi kolah tu sentiasa penuh. Maknanya salah satu tugas kalau *tak de* [tiada] air, saya lah yang akan bekerja. Jadi demikian juga dari segi kebersihan, kan ramai orang guna; kotor, budak-budak bermain maka saya daripada *kecik* [kecil] secara tidak langsung disamping kita pun suka bermain disitu dan ibu bapa juga bertugas disitu sampailah masjid ini tidak digunakan, masa banjir besar sesudah separuh daripada masjid ini berada di dalam air maka diisytiharkan masjid ini tidak boleh digunakan lagi maka masa itu lah saya tidak lagi bertugas hingga dibawa ke Nilam Puri.

UA : **Apakah langkah yang imam rasa untuk memakmurkan masjid ini?**

IWMZ : Yang pertama sekali, kena ada aktiviti-aktiviti keagamaan yang berbentuk kemasyarakatan terutama yang dekat dengan kawasan masjid. Selain daripada itu, elok jika diadakan aktiviti-aktiviti yang mempromosikan nama masjid itu misalnya dibawah pelancongan ke dibawah pejabat daerah ke untuk mengadakan aktiviti-aktiviti. Selain yang sekarang ini, kalau yang betul-betul yang ramai orang luar adalah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan lah. Begitu juga dengan kesenian, jadi pihak-pihak tertentu bukan sahaja perlu mengharapkan ahli jawatankuasa yang ada disini, dia hendaklah merancangkan aktiviti yang lebih meluas. Misalnya, *masa* [semasa] ada pelancong datang; apa yang nak buat? Pelancong Selangor datang apa yang perlu dibuat pejabat daerah misalnya bersama dengan pengurusan jawatankuasa itu, barulah adakan aktiviti-aktiviti pengurusan keagamaan dan kemasyarakatan yang lebih meluas.

UA : **Apakah harapan imam terhadap generasi muda di Kampung Laut ini dalam menjaga masjid?**

IWMZ : Bagi saya, melihat suasana agak susah kerana orang yang muda ini tidak begitu berminat kepada ini, masa budak memang sebab ibu bapa yang paksa. Bagi saya ketika ini, saya buat kelas al-quran daripada 30 orang dari beberapa tahun dahulu dan sekarang sudah 200 lebih dan begitulah, dia pergi sembahyang jemaah dan adakan jamuan; dia boleh ikut tapi bila sampai jadi itu *hok* [yang] kita *duk* [tengah] didik-didik itu *tak tahu* [tidak tahu] mana *dah* [sudah]; yang pergi diluar, yang bekerja diluar tidak ada maknanya susah untuk *tackle* [jerat] budak-budak muda. Sekali-kali tu adalah tapi kalau untuk harian tidak begitu sebab tidak betul minat lagi kepada ibadat *ni* [ini], tidak ada kesedaran; yang dia *nak* [mahu] adalah benda-benda yang dia suka seperti jamuan, bantuan, buat sukan kepada orang muda sekarang ini di samping tubuhkan satu komuniti untuk bekerjasama dengan masjid. Kalau dengan harapan berdakwah, mengajar memang *tak de* [tiada]. Saya jarang pergi ke situ sebab saya pergi mengajar di luar, jadi disitu orang muda pergi semasa ada pertunjukan kesenian dan kebudayaan, sukan; yang lain tidak (sambil gelengkan kepala). Sekiranya ada bagi bantuan misalnya, ada cabutan tiket bertuah maka ramai lah orang muda tapi kebiasaannya untuk ibadah, tempat mengajar mereka ini tidak ada. Tapi harapan kita macam itu lah, cara nak *tackle* [jerat] di samping itu kena rapat dengan kepala anak-anak muda untuk membantu membangunkan masjid. Itulah salah satu caranya.

UA : **Ini soalan yang terakhir ye, jadi imam berharap masjid ini dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam bidang apa?**

IWMZ : Dalam bidang dakwah dan seterusnya lagi ialah mempromosikan cara hidup islam yang sebenar termasuk kebudayaan. Kebudayaan tidak salah dari segi islam, sukan-sukan pun tidak salah tetapi jangan membuat sesuatu perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai islam. Itulah harapan kita dan begitu juga dapat membantu orang-orang yang memerlukan bantuan sebab fungsi masjid sebenar bukan untuk sembahyang jemaah dan mengajar sahaja, ia lebih kepada membangunkan umat islam dan juga mempromosikan akhlak islam. Jadi maknanya, perlu meluaskan perkara ini dan memikir bagaimana cara yang sebenar-benarnya dapat mempromosikan nilai islam itu, itu yang kita *nak* [mahu].

UA : Dengan ini, berakhirnya sesi temubual mengenai sejarah, latar belakang, seni bina, dan pembinaan Masjid Kg Laut bersama Imam Wan Mat Zin bin Yusoff pada 20 November 2024. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh imam dalam menjayakan temubual ini. Diharapkan hasil temubual ini dapat memberi manfaat dan menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni bina pusat ibadah, khususnya bag para pengkaji di masa kini dan akan datang. Sekian, terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN D

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Nur Aina Balkhis Binti Anuar dan Umiyatul Auni Binti Hanapi menemubual Imam Wan Mat Zin, seorang tokoh yang berperanan penting dalam sejarah, peranan, dan harapan Imam Masjid Kampung Laut. Temubual ini dijalankan bagi mendokumentasikan pengalaman serta pandangan beliau mengenai perkembangan institusi masjid dan peranannya dalam masyarakat.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG		
1:30	Pengenalan diri	Wan Mat Zin Bin Yusoff
1:47	Pendidikan	Pendidikan awal Sekolah Kebangsaan Kampung Laut
7:02	Motivasi menjadi imam	Diri sendiri untuk menyumbangkan kepada masyarakat
8:40	Tempoh khidmat di masjid Kg Laut	19 tahun berkhidmat
9:02	Proses menjadi imam	Melalui lantikan dari masyarakat sekeliling
BAHAGIAN B: MASJID KAMPUNG LAUT SEJARAH MASJID		
12:10	Tahun pembinaan	Tidak ada tarikh tepat bagi pembinaan masjid
15:13	Peristiwa sejarah penting masjid	Berlaku banjir besar
16:48	Bahan binaan masjid	Asasnya adalah kayu
1754	Tokoh penting dalam memelihara masjid	Menteri besar, Ahmad Yaakub selepas Tok Guru Nik Aziz
1932	Jenis kayu digunakan	Kayu cengal

20:01	Keunikan berbanding masjid lain	Pembinaan tanpa menggunakan paku
22:30	Struktur bumbung direka	Bentuk empat persegi
29:44	Pendidikan agama di masjid	Dari segi sembahyang jemaah, kelas dan ceramah
37:52	Penglibatan sukarelawan	Sukarelawan diperlukan sekali sekala.
40:43	Pusat solat Jumaat	Tidak boleh dijadikan pusat solat Jumaat
BAHAGIAN C : SOALAN TAMBAHAN		
54:12	Penglibatan komuniti tempatan	Diuruskan oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh majlis daerah.
55:10	Bantuan kepada golongan miskin	Memberikan derma melalui tabung yang disumbangkan
56:35	Kerjasama dengan masjid sekitar	Masjid Kampung Laut akan bekerjasama secara tak langsung.
58:23	Pandangan komuniti luar	Pandangan komuniti luar positif
60:40	Peranan masjid dalam pelancongan warisan	Berperanan penting dalam mempromosikan pelancongan warisan.

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.30 pagi	6 /10/2024	<u>Taklimat awal</u> Penerangan tentang kajian sejarah lisan oleh Puan Nurulannisa dan membentuk kumpulan yang terdiri daripada dua orang.	Kumpulan telah ditubuhkan dan berbincang tentang tajuk kajian.
10.00 pagi	10/10/2024	Membuat carian mengenai tokoh dan kebudayaan yang berpotensi untuk tugas sejarah lisan.	Mencari tokoh melalui carian di laman sosial media
3.00 petang	11/10/2024	Mencari maklumat mengenai tokoh dan kebudayaan dipilih.	Mencari maklumat berkenaan tokoh di laman media sosial.
3.40 petang	13/10/2024	Pemilihan pertama Masjid Kampung Laut dan Nordin Batik.	Menemui tokoh melalui carian di laman sosial media
2:30 petang	14/10/2024	Bertanya kepada Madam Annisa tentang Masjid Kampung Laut melalui aplikasi WhatsApp.	Catatan awal untuk mengetahui adakah tokoh yang dipilih menepati kriteria atau tidak.
3.00 petang	14/10/2024	Mendapat kelulusan tentang pemilihan tempat bersejarah Masjid Kampung Laut.	Catatan awal untuk berhubung.
5.00 petang	19/10/2024	Mula berhubung dengan Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff.	Catatan awal untuk mendapat persetujuan daripada Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff.
8.30 pagi	22/10/2024	Mengambil surat pengesahan projek pelajar di bahagian HEA.	Catatan awal untuk diberikan surat rasmi daripada pihak

			UiTM kepada Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff.
9.00 pagi	22/10/2024	Memaklumkan kepada Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff tentang tarikh temubual.	Catatan awal untuk mengetahui tentang tarikh yang sesuai untuk memulakan sesi temubual.
11.00 pagi	22/10/2024	Membuat proposal tentang Masjid Kampung Laut.	Catatan awal untuk melakukan kertas cadangan awal.
5.00 petang	24/10/2024	Menghantar proposal kepada Madam Annisa di Google Classroom.	Selesai.
3.00 petang	25/10/2024	Menetapkan tarikh sesi temubual pada 20 November 2024 iaitu pada hari Jumaat.	Catatan awal untuk melakukan temubual bersama tokoh.
3.30 petang	30/10/2024	Bertanya kepada Madam Annisa tentang persediaan awal.	Catatan awal proses penghasilan soalan.
11.00 pagi	12/11/2024	Penyerahan pertama tentang soalan temubual.	Selesai.
3.00 petang	14/11/2024	Sesi perundingan bersama pensyarah.	Memperbaiki soalan temu bual sebelum temu bual yang sebenar dijalankan
4.30 petang	16/11/2024	Memberikan contoh soalan temu bual kepada Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff	Catatan awal untuk Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff melakukan persediaan awal.

5.00 petang	16/11/2024	Bertanya kepada Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff waktu yang bersesuaian untuk melakukan sesi temu bual.	Catatan awal untuk melakukan temu bual bersama tokoh.
10.00 pagi	20/11/2024	Menjalankan temu bual bersama Imam Wan Mat Zin Bin Yusoff di pekarangan rumah beliau di Kampung Hutan Jambu, Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan	Mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada tokoh berdasarkan soalan soalan yang telah di rangka.
8.30 pagi	30/12/2024	Sesi perundingan dengan pensyarah tentang tajuk artikel.	Pembetulan tentang tajuk artikel dilakukan.
10.00 pagi	1/1/2025	Permulaan menyediakan transkrip.	Memahami rujukan sebelum memulakan penulisan transkrip.
6.00 petang	11/1/2025	Penyediaan transkrip telah selesai.	Selesai
9.00 malam	16/1/2025	Penghantaran transkrip, audio dan video sesi temu bual lengkap.	Selesai

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Boleh imam memperkenalkan diri dan memberi sedikit maklumat mengenai latar belakang imam?
2. Apa nama penuh imam dan berapa umur imam sekarang?
3. Di mana imam dilahirkan dan bagaimana kehidupan awal imam sebelum menjadi imam?
4. Apa yang mendorong imam untuk memilih jalan sebagai seorang imam?
5. Adakah pendidikan yang imam terima untuk menjadi imam? Adakah imam mengikuti sebarang kursus atau latihan khusus?
6. Berapa lama imam telah berkhidmat sebagai imam di Masjid Kg Laut?
7. Siapakah yang memberi inspirasi kepada encik untuk menjadi imam? Adakah terdapat tokoh agama atau individu tertentu yang memberi pengaruh kepada encik?

BAHAGIAN B: MASJID KAMPUNG LAUT SEJARAH MASJID

1. Bila Masjid Kampung Laut mula dibina?
2. Siapa yang bertanggungjawab dalam pembinaan masjid ini?
3. Adakah tujuan asal pembinaan Masjid Kampung Laut?
4. Adakah terdapat peristiwa sejarah penting yang dikaitkan dengan masjid ini?
5. Bagaimana keadaan masjid ini semasa awal pembinaannya?
6. Adakah perubahan besar yang telah berlaku pada struktur masjid sejak ia dibina?
7. Adakah Bahan Utama Yang Digunakan Dalam Pembinaan Masjid?
8. Adakah masjid ini pernah dibaik pulih atau dipindahkan?
9. Bagaimana cerita perpindahan masjid ini ke lokasi semasa?
10. Siapakah tokoh penting dalam memelihara sejarah masjid ini?

SENI BINA DAN REKAAN MASJID

11. Adakah gaya seni bina yang digunakan dalam pembinaan masjid ini?
12. Bagaimana struktur bumbung masjid ini direka?
13. Adakah elemen tradisional yang dipaparkan dalam rekaan masjid?
14. Adakah ukiran kayu digunakan dalam pembinaan masjid ini?
15. Adakah elemen yang membuatkan masjid ini unik berbanding masjid lain di Malaysia?
16. Bagaimana masjid ini mencerminkan budaya dan tradisi tempatan?

17. Apakah simbolisme di sebalik reka bentuk menara masjid?
18. Apakah jenis kayu yang digunakan dalam pembinaan masjid ini?
19. Bagaimana sistem pengudaraan masjid direka untuk keselesaan jemaah?
20. Adakah masjid ini mengikuti rekaan masjid tradisional Melayu?

FUNGSI DAN PENGGUNAAN MASJID

21. Berapa jumlah jemaah yang boleh ditampung oleh masjid ini?
22. Apakah aktiviti utama yang diadakan di masjid ini?
23. Adakah masjid ini digunakan untuk aktiviti lain selain solat berjemaah?
24. Bagaimana masjid ini berfungsi sebagai pusat komuniti?
25. Apakah peranan masjid dalam kehidupan sosial penduduk Kampung Laut?
26. Adakah terdapat kelas agama atau kuliah yang diadakan di masjid ini?
27. Bagaimana masjid ini membantu dalam pendidikan agama di kawasan ini?
28. Apakah jenis acara kebudayaan yang pernah diadakan di sini?
29. Adakah masjid ini digunakan untuk majlis perkahwinan atau majlis besar lain?
30. Bagaimana sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha di masjid ini?

PEMULIHARAAN DAN PENYELENGGARAAN MASJID

31. Apakah cabaran utama dalam pemuliharaan masjid ini?
32. Bagaimana pihak pengurusan masjid memastikan ia dijaga dengan baik?
33. Siapakah yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan masjid?
34. Apakah peranan Jabatan Warisan Negara dalam memelihara masjid ini?
35. Adakah terdapat sebarang ancaman alam sekitar yang boleh merosakkan struktur masjid?
36. Bagaimana proses baik pulih masjid dijalankan?
37. Apakah kos penyelenggaraan tahunan masjid ini?
38. Adakah sukarelawan turut serta dalam menjaga kebersihan masjid?
39. Apakah peranan penduduk tempatan dalam memastikan masjid ini kekal terjaga?
40. Bagaimana masjid ini dibiayai dari segi pemuliharaan dan penyelenggaraan?

ASPEK KEAGAMAAN

41. Bagaimana masjid ini memainkan peranan dalam menyebarkan ajaran Islam di Kampung Laut?

42. Siapakah imam utama masjid ini?
43. Berapa jumlah bilal dan imam yang berkhidmat di sini?
44. Bagaimana tradisi keagamaan dilaksanakan di masjid ini?
45. Adakah terdapat sebarang majlis zikir atau ceramah agama yang diadakan secara berkala?
46. Apakah sambutan khas keagamaan yang diraikan di masjid ini?
47. Adakah masjid ini menjadi pusat utama untuk solat Jumaat di kawasan ini?
48. Bagaimana khutbah Jumaat disampaikan di masjid ini?
49. Apakah jenis program dakwah yang dijalankan di sini?
50. Bagaimana masjid ini membantu membimbing generasi muda dalam agama?

BUDAYA DAN WARISAN MASJID

51. Bagaimana masjid ini mencerminkan tradisi dan budaya Kelantan?
52. Apakah kisah-kisah menarik yang berkaitan dengan masjid ini?
53. Bagaimana masjid ini diiktiraf sebagai warisan negara?
54. Adakah terdapat mitos atau cerita rakyat yang dikaitkan dengan masjid ini?
55. Bagaimana pengaruh kerajaan Kelantan terhadap pemeliharaan masjid ini?
56. Apakah peranan masjid ini dalam perkembangan Islam di Kelantan?
57. Bagaimana masjid ini mempengaruhi seni bina masjid lain di negeri ini?
58. Adakah masjid ini diiktiraf oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia?
59. Bagaimana masjid ini menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara?
60. Apakah kesan pembinaan masjid ini terhadap perkembangan kawasan Kampung Laut?

BAHAGIAN C: SOALAN TAMBAHAN

1. Bagaimana komuniti tempatan terlibat dalam pengurusan masjid?
2. Apakah peranan jawatankuasa masjid dalam menjaga kebajikan penduduk?
3. Bagaimana masjid ini menghubungkan generasi tua dan muda dalam komuniti?
4. Apakah sumbangan terbesar komuniti kepada masjid ini?
5. Bagaimana masjid ini membantu golongan miskin dan memerlukan di Kampung Laut?
6. Adakah Masjid Ini bekerjasama dengan masjid-masjid lain di kawasan sekitar?
7. Bagaimana masjid ini menjadi simbol perpaduan bagi komuniti tempatan?
8. Apakah projek komuniti yang pernah diadakan oleh masjid ini?
9. Bagaimana pandangan komuniti luar terhadap Masjid Kampung Laut?
10. Apakah cara masjid ini menarik generasi muda untuk terlibat dalam aktiviti keagamaan?

11. Bagaimana masjid ini menarik minat pelancong?
12. Apakah peranan masjid dalam mempromosikan pelancongan berasaskan warisan di Kelantan?
13. Adakah masjid ini menyediakan panduan untuk pelancong?
14. Bagaimana pelancongan memberi kesan kepada suasana keagamaan di masjid ini?
15. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menguruskan jumlah pelancong yang datang?
16. Bagaimana penduduk tempatan melihat pelancongan di masjid ini? 17. Apakah sumbangan pelancongan kepada ekonomi Kampung Laut? 18. Adakah terdapat program lawatan khusus untuk pelancong di masjid ini? 19. Bagaimana masjid ini mengimbangkan peranannya sebagai tempat ibadah dan tarikan pelancongan?
20. Apakah inisiatif yang diambil untuk melindungi masjid daripada kesan negatif Pelancongan?

BAHAGIAN D: HARAPAN


1. Apa harapan Imam untuk masa depan Masjid Kg Laut?
2. Adakah Imam mempunyai sebarang rancangan untuk membangunkan Masjid Kg Laut?
3. Bagaimana Imam ingin melihat masjid ini berkembang dalam beberapa tahun akan datang?
4. Apa yang Imam harap dapat dicapai oleh Masjid Kg Laut untuk komuniti setempat?
5. Bagaimana Imam melihat peranan masjid dalam mempereratkan hubungan sesama penduduk Kg Laut?
6. Apakah langkah yang Imam rasa perlu diambil untuk memakmurkan Masjid Kg Laut?
7. Apa harapan Imam terhadap generasi muda di Kg Laut dalam menjaga masjid?
8. Imam berharap masjid ini dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam bidang apa?
9. Bagaimana Imam ingin melibatkan lebih ramai orang dalam aktiviti masjid?
10. Apa harapan Imam terhadap kerjasama antara masjid dan masyarakat di masa depan?

11. Apa harapan Imam untuk masa depan Masjid Kg Laut dalam membantu masyarakat setempat?

12. Bagaimana Imam melihat peranan masjid dalam mendidik generasi muda di Kg Laut?

13. Apa yang Imam harapkan dari komuniti di Kg Laut untuk menjayakan program dan aktiviti di masjid?


GAMBAR




Gambar 1: Sejarah Masjid Kampung Laut



Gambar 2: Masjid Kampung Laut



Gambar 3: Ruang Solat Masjid Kampung Laut



Gambar 4: Mimbar Masjid Kampung Laut



Gambar 5: Gaya Seni Bina Masjid Kampung Laut



Gambar 6: Ruang Belajar dan Mengaji Masjid Kampung Laut

INDEKS

INDEKS

<p>A</p> <p>Aktiviti Keagamaan 1, 15, 21, 34</p>	<p>I</p> <p>Imam 1,2,3,4,10,11,16,18,21,22</p> <p>Islam 4, 12,13,15,19,22</p>
<p>C</p> <p>Ceramah Agama 12, 34</p> <p>Ciri-ciri 8, 12</p>	<p>J</p> <p>Jawatankuasa 3, 6, 9, 10, 12, 14, 15, 17, 19, 21</p> <p>Jemaah Masjid – 10, 12</p>
<p>D</p> <p>Dakwah 5, 12, 13, 14, 22, 34</p> <p>Derma – 11, 15</p>	<p>K</p> <p>Kayu 6, 7, 8, 12, 20</p> <p>Kelas 9, 12, 22</p> <p>Keselamatan 11, 18</p>
<p>F</p> <p>Fungsi 1, 19, 22</p>	<p>L</p> <p>Latar Belakang – 2, 3</p> <p>Lokasi Masjid – 4, 5</p>
<p>G</p> <p>Gaya Seni Bina 7</p> <p>Gotong-Royong 16</p>	<p>M</p> <p>Masjid 1, 3, 4,5,6,7,8,9,10, 11,12, 13, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22</p> <p>Masyarakat 3,4,15,21</p>
<p>H</p> <p>Harapan 1, 18, 21, 22</p>	<p>P</p> <p>Pelancongan 15, 17, 18, 21</p> <p>Pembinaan 5, 7, 23</p>

<p>Q</p> <p>Qura 12, 22</p>	<p>W</p> <p>Warisan 12, 17</p> <p>Wudhu 20</p>
<p>R</p> <p>Reka 3, 7, 8, 11, 13, 22</p>	<p>Y</p> <p>Yayasan 2</p>
<p>S</p> <p>Sejarah 5, 6, 8, 12, 17, 23</p> <p>Seni 7, 9, 15, 21, 23</p> <p>Solat 11</p>	
<p>T</p> <p>Tingkat 8</p>	
<p>U</p> <p>UNESCO 6, 12</p>	

RUJUKAN

- Masjid Kampung Laut, Masjid Tertua di Malaysia terletak di Kelantan – Manisfm.* (2020b, December 21). <https://www.manis.fm/masjid-kampung-laut-masjid-tertua-di-malaysia-terletak-di-kelantan/>
- Rekreasi, T., & Rekreasi, T. (2023b, December 27). \surd *MASJID KAMPUNG LAUT: Sejarah, fakta unik, tarikan.* Tempat Cuti. <https://tempatcuti.my/masjid-kampung-laut/>
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2019b, November 4). *Masjid Kampung Laut - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.* Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <https://www.yadim.com.my/v2/masjid-kampung-laut/>
- Nas. (2024, November 29). *Masjid Kampung Laut, Kelantan – Masjid Tertua di Malaysia.* eCentral.my. <https://ecentral.my/masjid-kampung-laut/>
- Izwan. (2022b, September 14). *Masjid Kg Laut: Berkat Wali Songo, simbolik Penyatuan Ummah.* Harakahdaily. <https://harakahdaily.net/index.php/2022/09/12/masjid-kg-laut-berkat-wali-songo-simbolik-penyatuan-ummah/>